

Gambar
pemohon
berukuran
pasport



**BORANG PERMOHONAN
PERMIT PERNIAGAAN BAZAR RAMADAN
TAHUN 2025**

BORANG PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2025

Perhatian : Sila baca syarat-syarat permohonan sebelum mengisi borang permohonan

Sila tandakan ✓ pada lokasi bazar yang dimohon :

Bazar Ramadan Dataran Bentong	
Bazar Ramadan Bentong Prima	
Bazar Ramadan Dataran Niaga Karak	

Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dokumen berikut oleh pemohon:

BAHAGIAN 1

A. Syarat-Syarat Permohonan

1. Pemohon hendaklah warganegara Malaysia.
2. Pemohon hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan.
3. Pemohon beragama Islam sahaja.
4. Keutamaan kepada peniaga yang menetap di daerah Bentong.
5. Hanya satu nama sahaja dibenarkan memohon bagi satu tapak untuk satu lokasi bazar.
6. Pemohon perlu menggunakan borang yang lain sekiranya ingin memohon tapak bazar yang berlainan.
7. Permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

B. Dokumen Lampiran

Pemohon :

1. Satu (1) salinan kad pengenalan (warna biru sahaja).
2. Dua (2) keping gambar berukuran pasport (latar belakang warna biru).
3. Satu (1) salinan kad pengendali makanan.

Pembantu / Pekerja :

1. Satu (1) keping gambar berukuran pasport (latar belakang warna biru).
2. Satu (1) salinan kad pengendali makanan.

BAHAGIAN 2

C. Butiran Pernohonan

Pemohon :

- 1. Nama Pemohon :
(Huruf Besar)
- 2. Alamat :
.....
- 3. No. K/P :
- 4. No. Tel. :

Pembantu / Pekerja :

- 1. Nama : No. K/P :
- 2. Nama : No. K/P :
- 3. Nama : No. K/P :

(*Sila guna lampiran tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi)

BAHAGIAN 3

D. Jenis Jualan

Jualan Jenis Bakar	Sila Tandakan (✓)	Jualan Makanan & Minuman	Sila Tandakan (✓)
Ayam		Air Tebu (Mesin di Tapak)	
Ikan		Kuih Muih	
Daging		Lauk Pauk	
		Minuman Pelbagai (sila nyatakan).....	
		Makanan Pelbagai (sila nyatakan)	

BAHAGIAN 4

E. Perakuan Akur Janji

Bahawasanya saya mengaku bahawa saya adalah peniaga sebenar di lot bazar ramadan yang dimohon dan bersetuju untuk mematuhi semua peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak MPB semasa menjalankan perniagaan di tapak tersebut.

2. Sekiranya saya ingkar, permit perniagaan bazar ramadan saya boleh dibatalkan dengan serta-merta.

Tandatangan pemohon

.....

()

Nama penuh pemohon

Tarikh :

SYARAT-SYARAT PERMIT PERNIAGAAN BAZAR RAMADAN

1. Setiap peniaga adalah diperuntukkan untuk satu lot sahaja.
2. Hanya kanopi berwarna biru bersaiz 10x10 sahaja dibenarkan.
3. Permit ini hanya dikeluarkan di lokasi bazar ramadan yang diluluskan oleh MPB sahaja dan tidak boleh digunakan di tempat lain selain dari kawasan yang dinyatakan di dalam borang ini.
4. Permit ini tidak boleh dipindah milik atau disewakan pada orang lain selain kegunaan pemohon sendiri. Sekiranya ingkar, peniaga akan disenarai hitam dan tidak layak untuk dipertimbangkan pada masa akan datang.
5. Peniaga perlu menghadiri sesi taklimat bazar yang dianjurkan oleh MPB.
6. Permit ini hanya sah dalam tempoh bulan ramadan sahaja seperti yang tercatat pada kad permit.
7. Waktu perniagaan bermula dari jam 3.00 petang hingga 7.30 malam.
8. Peniaga **TIDAK DIBENARKAN** meletakkan kenderaan di tapak perniagaan dan di dalam kawasan operasi bazar ramadan.
9. Kenderaan peniaga **TIDAK DIBENARKAN** masuk di tapak perniagaan selepas jam 4.30 petang.
10. Peniaga dikehendaki meletakkan tanda harga jualan pada semua jenis jualan seperti kehendak KPDNKK.
11. Semua pengendali makanan **DIWAJIBKAN** menjalani pemeriksaan kesihatan dan suntikan typhoid dari mana-mana klinik berdaftar dan menjalani Kursus Latihan Pengendali Makanan.
12. Semua pengendali makanan perlu memohon Kad Pengendali Makanan di MPB.
13. Semua pengendali makanan adalah **DIWAJIBKAN** setiap makanan yang disajikan dan dijual hendaklah halal, bersih dan suci seperti kehendak Pejabat Agama Islam Daerah.

14. Semua pengendali makanan hendaklah mematuhi semua syarat-syarat dan kehendak-kehendak kebersihan diri dalam penyediaan makanan yang dijual / disajikan.
15. Pembantu / Pekerja hendaklah berumur 16 tahun ke atas sahaja.
16. Peniaga perlu menyediakan tong sampah kecil yang bertutup serta berkarung plastik dan sampah hendaklah dibuang ke dalam tong sampah besar yang disediakan oleh MPB.
17. Semua peniaga hendaklah memastikan tapak perniagaan dalam keadaan bersih.
18. Semua pembayaran yang dibuat atas permit ini, wang tidak akan dikembalikan.
19. Peniaga hendaklah sentiasa mempamerkan permit bazar ramadan semasa aktiviti perniagaan dijalankan.
20. Peniaga hendaklah sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPB.

**DENGAN ARAHAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN BENTONG**